

Dalam KOD AMALAN PENGGUNA (GCC) - *General Consumer Code*, terdapat juga peruntukan yang menetapkan bahawa syarikat telekomunikasi haruslah menjaga maklumat pelanggan mereka. Sebarang pelanggaran boleh juga diambil tindakan di bawah (Akta Komunikasi dan Multimedia 1998) AKM 1998.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 boleh digunakan bukan sahaja kepada syarikat telekomunikasi malahan kepada semua organisasi yang menggunakan data peribadi dalam transaksi komersial. Akta ini juga digunakan untuk menghalang penyalahgunaan data peribadi rakyat dari segi penggunaan tanpa kebenaran, penyimpanan yang tidak selamat, perkongsian tanpa kebenaran dan pemusnahan data peribadi. Walau bagaimanapun, data peribadi yang digunakan oleh agensi kerajaan persekutuan dan negeri tidak tertakluk di bawah Akta ini.